

R PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACH - 8533

INV. NMS. 27/1/2000

FALSAFAH SOSIAL IBN KHALDŪN DAN
PERBANDINGANNYA DENGAN FALSAFAH
SOSIAL NEOPLATONIS ISLAM

NAZLI BIN JAAFAR

BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
1998

Perpustakaan Universiti Malaya



A509084726

Dimikrofikas pada..... 19-04-2000
No. Mikrofis..... 14584
Jugalah Mikrofis..... 3

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI
UPR UNIT PEROGRAMI
PERPUSTAKAAN UTAM
UNIVERSITI MALAYA

DEDIKASI

Demi Allah

Untuk seluruh keluarga, khasnya Mak dan Ayah

Juga dedikasi di Sabah

Moga usaha ini dimanfaati

Sesiapa yang menatapi,

Berfikir dan meneliti.

Ya Allah, berkatil usaha kerdil ini.

PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah kerana penulis akhirnya berjaya menyiapkan disertasi ini. Penulis merasa bertuah mendapat bimbingan sepenuhnya dari Profesor Madya Mohamad Kamil bin Hj. Ab. Majid selaku penyelia.

Terima kasih juga diucapkan kepada para pensyarah dan kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya atas dorongan dan pelbagai bantuan yang diberi.

Penulis juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak berikut:

1. Seluruh keluarga di Johor Bahru, Mak, Ayah, Abang Jais, Kak Besah, Kak Ngah, Abang Din, serta semua adik-adik.
2. Teman-teman serumah, Murni, Anoq, Ira dan Tadin.
3. Sahabat rapat; Ram, Sabri, Anizah, Liza, Yatie, Azah, Didi dan Wan Hanafi.

Khas untuk 'Dia' terima kasih yang tak terhingga di atas inspirasi, motivasi dan sokongan emosi darimu, walau kau jauh.

Sejambak penghargaan ini disampaikan kepada Kak Mas yang menaip dan mengemaskini disertasi ini hingga sempurna.

Kepada semuanya, jutaan terima kasih, hanya Allah sahaja membalaunya.

ABSTRAK

Disertasi ini memfokuskan pada satu cabang utama pengajian falsafah sosial (*falsafah ijtimā`iyyah*). Penulis memilih Ibn Khaldūn dan para filsuf Neoplatonis Islam sebagai tokoh yang ‘*prominent*’ di dalam pengajian sosial.

Disertasi ini akan membincangkan falsafah sosial Ibn Khaldūn dan golongan Neoplatonis Islam secara khusus. Kemudian penulis akan membuat perbandingan antara kedua-dua teori mereka dari sudut persamaan, kesinambungan, kelainan, kontradiksi dan komentar.

Di akhir perbincangan, disertasi ini akan memberi kesimpulan-kesimpulan berguna hasil dari penelitian dan perbandingan yang dibuat berdasarkan teori-teori sosial Ibn Khaldūn dan golongan Neoplatonis Islam.

ABSTRACT

This dissertation focuses on one of the main branch of philosophical study, social philosophy (*falsafah ijtimā`yyah*). The writer chose Ibn Khaldūn and Muslim Neoplatonist philosophers as prominent thinkers in social studies.

The dissertation will discuss the social philosophy of Ibn Khaldūn and Muslim Neoplatonist philosophers specifically. Then, the writer will compare their theories in terms of likeness, links, contradiction and commentary.

At the end of this discussion, the writer will give fruitfull summaries base on his study and comparison through all the social theories of Ibn Khaldūn and Muslim Neoplatonist philosophers.

PENDAHULUAN

Dewasa ini bahan-bahan kajian pemikiran dan falsafah sosial, juga sosiologi banyak memaparkan pemikiran-pemikiran sosial para pemikir Barat. Tokoh-tokoh seperti Francis Bacon (m. 1626M), Thomos Hobbes (m. 1679M), Rene Descartes (m. 1670M), Kant (m. 180M), Thomas Hobbes (m. 1679M), Rene Descartes (m. 1670M), Kant (m. 1804M) dan ramai lagi mendapat liputan kajian yang banyak dari para pengkritik dan pengkaji.

Sebaliknya, tokoh-tokoh pemikir sosial Islam kurang mendapat perhatian masyarakat, khususnya masyarakat Malaysia. Sedangkan dunia Islam telah diwarnai oleh kehadiran ramai tokoh pemikir sosial. Golongan pemikir ini terdiri dari kalangan tokoh perundangan Islam, teologi, tasawwuf dan falsafah.

Dua golongan pemikir sosial, iaitu Ibn Khaldūn (m. 1406M) dan para filsuf Neoplatonis Islam mempunyai teori-teori sosial yang sangat berguna kepada ilmu sosiologi. Malah karya-karya mereka telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa khasnya Latin,

Perancis dan Inggeris untuk dijadikan bahan kajian di Barat.

Penulis berharap ini dapat membuka mata masyarakat bahawa tokoh-tokoh ilmuan Islam juga sebenarnya telah menyumbangkan sumbangan yang besar terhadap dunia ilmu, khususnya ilmu kemasyarakatan.

Malah penulis berani menyatakan bahawa para filsuf Neoplatonis Islam telah merintis jalan kepada pembentukan ilmu sosiologi. Kemudian kehadiran Ibn Khaldūn memantapkan lagi teori-teori mereka dan menjadikannya sebuah ilmu yang tersendiri seperti ilmu-ilmu lain. Ilmu tersebut kini dikenali dengan ilmu sosiologi.

Antara buku-buku utama yang menjadi asas perbincangan disertasi ini adalah:

1. *Muqaddimah* Ibn Khaldūn.
2. Karya-karya utama al-Fārābī:
 1. *Ārū'Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*
 2. *Siyāsāt al-Madaniyyah*
 3. *Taḥsīl al-Sa'ādah*

3. Karya-karya utama Ibn Sīnā:

1. *Al-Syifā'*

2. *Kitāb al-Siyāsah*

3. Karya-karya utama Ibn Bājjah:

1. *Risālah al-Wadā'*

2. *Kitāb Tadbīr al-Mutawakkilid*

4. Karya Ibn Rusyd:

1. *Averroes' Commentary on Plato's Republic.*

2. *Political Thought in Medieval Islam*, tulisan Erwin I.J. Rosenthal.

3. *Dirāsāt 'An Muqaddimah Ibn Khaldūn*, tulisan Saṭī` al-Huṣrī.

Tujuan Penulisan

Antara tujuan utama penulisan disertasi ini adalah untuk mengenal pasti dan menonjolkan ketokohan para pemikir Islam di

dalam sumbangan mereka kepada membentuk ilmu sains kemasyarakatan dan sosiologi.

Umum mengetahui ketokohan Ibn Khaldūn dan sumbangannya sebagai pengasas ilmu sosiologi. Tetapi ini tidak bermakna beliau tidak mendapat inspirasi dari mana-mana pihak.

Dari sejarah hidupnya, kita dapati beliau pernah diperkenalkan dengan karya-karya falsafah Ibn Sīnā dan Ibn Rusyd. Dari sinilah bermulanya titik tolak pemikiran sosial beliau.

Dari itu penulis cuba mencungkil tokoh-tokoh falsafah yang memberi inspirasi awal tersebut. Golongan Neoplatonis Islam adalah mereka yang terawal membincangkan teori-teori sosial umum dan terasas. Sumbangan idea-idea sosiologi awal ini amat berharga dan perlu diketengahkan.

Penulisan ini juga bertujuan meninggikan martabat pemikir-pemikir sosial Islam di mata dunia supaya mereka tidak hanya dipandang sebagai tokoh-tokoh pemikir metafizik sahaja, bahkan mereka juga memikir dan memerhati keadaan semasa manusia untuk dijadikan bahan kajian.

Selain tadi, penulis ingin menambah bacaan berbahasa Melayu di dalam bidang falsafah dan sains kemasyarakatan di Malaysia.

Akhirnya, penulis mencadangkan agar disertasi ini dijadikan bahan bacaan dan rujukan kepada sesiapa yang berminat mengkaji bidang-bidang yang berkaitan dengan sosial Islam.

Masalah Penulisan

Masalah utama yang dihadapi penulis di dalam menyiapkan disertasi ini adalah untuk mendapatkan karya-karya asli falsafah.

Kebanyakan karya falsafah, khasnya mengenai politik dan sosial para filsuf Neoplatonis Islam amat sukar didapati khasnya di Malaysia. Penulis terpaksa memesan buku-buku tersebut dari luar negara.

Metodologi

Keseluruhan disertasi ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan. Di dalam kajian perpustakaan, penulis menggunakan

beberapa buah perpustakaan di Malaysia. Antaranya Perpustakaan Besar Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Petaling Jaya dan Perpustakaan Awam Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur.

Di dalam menganalisa data-data yang diperolehi, penulis menggunakan beberapa metod. Antaranya metod induktif, deduktif dan komparatif.

Metod induktif ialah mengambil kesimpulan dari analisa data-data khusus. Metod deduktif pula sebaliknya, membuat kesimpulan berdasarkan data-data umum dan mengukuhkan kesimpulan tersebut dengan data-data khusus. Metod komparatif digunakan di dalam kajian ini khususnya untuk membandingkan teori-teori sosial Ibn Khaldūn dengan para filsuf Neoplatonis Islam.

SISTEM TRANSLITERASI TULISAN

ا a ب b ف f

أ a' ز z ق q

ب b س s ك k

ت t ش sh ل l

ث th ص s م m

ج j ض d ن n

ه h ت t ه h

خ kh غ g و w

د d ح h ي y

ڏ dh ڙ gh

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
DEDIKASI	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iv
PENDAHULUAN	vi
TRANSLITERASI	xii
ISI KANDUNGAN	xiii
BAB I: PENDAHULUAN	1
1.1 SEJARAH PEMIKIRAN SOSIAL	1
1.1.1 Pemikiran Sosial Timur Purba	1
1.1.2 Pemikiran Sosial Yunani	2
1.1.3 Pemikiran Sosial Di Kalangan Orang Rom	6
1.2 FALSAFAH: ERTI DAN SKOP KAJIANNYA	8
1.2.1 Pengertian Falsafah Sosial	11
1.3 NEOPLATONIS ISLAM	13
1.3.1 Al-Farabi	18
1.3.2 Ibn Sina	26
1.3.3 Ibn Bajjah	31

1.3.4 Ibn Rusyd	38
BAB II: IBN KHALDUN DAN MUQADDIMAH	44
2.1 RIWAYAT HIDUP IBN KHALDUN	44
2.1.1 Pendidikan	49
2.1.2 Keperibadian	53
2.2 PERJALANAN HIDUP IBN KHALDUN	59
2.2.1 Di Tunis	60
2.2.2 Di Antara Tunis dan Fez	60
2.2.3 Di Fez	60
2.2.4 Di Andalus	62
2.2.5 Di Bougie	63
2.2.6 Di Biskra	64
2.2.7 Penghujung Karier Politik	66
2.2.8 Di Qal`ah Ibn Salamah	68
2.2.9 Di Tunis	69
2.2.10 Di Mesir	70
2.3 MUQADDIMAH IBN KHALDUN	73
2.3.1 Pandangan Cendekiawan	73
2.3.2 Kedudukan Muqaddimah Dalam Kitab al-`Ibar	76
2.3.3 Kandungan Muqaddimah	77

2.3.4	Tema Muqaaddimah	79
2.3.5	Metod Muqaddimah	83
2.3.6	Mengapa Muqaddimah Ditulis	86
BAB III: FALSAFAH SOSIAL IBN KHALDUN		91
3.1	TEORI TENTANG MANUSIA	91
3.1.1	Pembentukan Organisasi Sosial	92
3.1.2	Pembentukan Negara	95
3.1.3	Negara Dan Oraganisasi Sosial	101
3.1.4	Pengaruh Faktor Semulajadi Terhadap Karakter Manusia	102
3.1.5	Pengaruh Faktor Makanan Terhadap Karakter Manusia	113
3.1.6	Perubahan Sosial Melalui Proses Peniruan Dan Penaklukan	117
3.1.7	Teori Pusingan Sosial	128
3.1.8	Pengaruh Ekonomi Terhadap Organisasi	138
i.	Pertumbuhan Ekonomi dan Populasi	139
ii.	Implikasi Ledakan Populasi Terhadap Masyarakat	142
3.2	PENUTUP BAB III	145
BAB IV: KAJIAN PERBANDINGAN FALSAFAH SOSIAL IBN KHALDUN		149
4.1	PENDAHULUAN	149

4.1.1	Teori Pembentukan Organisasi Sosial Dan Negara	150
4.1.2	Matlamat Penyelidikan	172
4.2	IBN KHALDUN DAN UTOPIANISME	197
 PENUTUP		202
1.	KESIMPULAN	202
2.	SARANAN	208
 BIBLIOGRAFI		210